



ABDUL RAZAK OMAR (tiga dari kiri) menyerahkan replika kunci Rumah Komuniti UTHM kepada Ketua Kampung Aur Gading, Abu Hanipah Sulaiman (empat dari kanan) sambil disaksikan oleh Mustapa Long (lima dari kanan) di Kampung Aur Gading, Lipis, semalam. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

# UTHM bakal latih 300 usahawan mikro Lipis

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

utusan@tnknt@gmail.com

■ LIPIS 30 MAC

**U**NIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan melatih seramai 300 usahawan mikro di daerah ini yang aktif dalam bidang produk makanan untuk kemudahan pasaran dan membantu menambah pendapatan keluarga mereka.

Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) UTHM, Prof. Datuk Dr. Abdul Razak Omar berkata, menerusi kajian universiti itu, ramai usahawan khususnya wanita di luar bandar banyak mengeluarkan produk berdasarkan pertanian, tetapi pasaran terhad akibat tiada pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.

"Kita akan bawa tenaga pengajar dan penuntut bidang tersebut untuk mengadakan kursus dan latihan secara berpusat dengan kerjasama pejabat Dewan Unda-

gan Negeri Padang Tengku untuk membantu usahawan mikro di sini.

"Kajian yang kita perolehi mendapati produk berkenaan tidak memenuhi spesifikasi teknik pembungkusan, penjenamaan tidak sempurna dan kurang asas pasaran menyebabkan usaha atau pendapatan mereka tidak berbaloi," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan kunci Rumah Komuniti UTHM kepada penduduk di Kampung Aur Gading, dekat sini hari ini.

Sempena majlis itu, Abdul Razak menyerahkan rumah berkenaan yang siap dibina dengan kos sebanyak RM45,000 menerusi bantuan Bank Rakyat, Bank Muamalat, Syarikat Taruni Enterprise dan Evergreen Fibreboard kepada Ketua Kampung Aur Gading, Abu Hanipah Sulaiman.

Yang hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku, Datuk Mustapa Long dan Ketua Pemuda UMNO Lipis, Mohd. Farid Mohd. Noor.

Abdul Razak berkata, UTHM

akan memfokuskan latihan dan kaedah pemasaran secara dalam talian serta laman sosial kepada usahawan berkenaan kerana cara itu kini semakin popular bagi dunia perniagaan dan pengiklanan.

"Kita akan melatih usahawan di sini menggunakan talian internet untuk mempromosikan jenama atau produk masing-masing kepada pelanggan termasuk rakan di tempat lain," katanya.

Beliau berkata, latihan itu juga menjurus kepada aspek pembungkusan, penjenamaan produk dan kualiti bahan mengikuti piawaian kesihatan bagi membolehkan peluang pasaran yang lebih luas.

Sementara itu, Mustapa berkata, kerajaan negeri menyambut baik usaha UTHM dalam mengubah kehidupan usahawan mikro di daerah ini.

"Banyak produk makanan di Lipis berdasarkan pertanian diusahakan secara kecil-kecilan malah pasaran terhad berpunca kekangan kemahiran serta pengurusan bersifat tradisional," katanya.